

13/05/1998

Wanita yakin nilai Asnita meningkat

Norazmi Abdul Talib; Hazirah Che Sab

KETUA Pergerakan Wanita Umno, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman yakin nilai setiap unit Amanah Saham Wanita (Asnita) 50 sen yang ditawarkan sekarang akan meningkat apabila tawaran berakhir pada 24 Mei ini.

Katanya, harga yang ditawarkan Asnita adalah rendah selaras dengan kedudukan nilai pasaran saham sekarang berbanding dengan nilai saham amanah lain yang dijual pada harga RM1 bagi setiap satu unit.

"Saya yakin nilai 50 sen setiap unit Asnita yang memang rendah sekarang akan meningkat apabila memasuki pasaran terbuka selepas habis tempoh tawaran nanti," katanya kepada pemberita selepas Ketua Menteri, Datuk Seri Abu Zahar Isnin melancarkan Asnita peringkat negeri Melaka, semalam. Antara yang turut hadir ialah isteri Ketua Menteri, Datin Seri Khalijah Mohd Jiddi; Ketua Wanita Umno Negeri, Ramlah Abas serta Pengerusi MCA Negeri, Datuk Wira Gan Boon Leong.

Dr Siti Zaharah berharap lebih ramai akan melabur dalam Asnita yang bakal memberi pulangan baik dalam bentuk kenaikan harga, selain menawarkan khairat kematian serta skim takaful.

Katanya, pelaburan itu secara tidak langsung boleh turut menyumbang keyakinan dalam pasaran saham tempatan serta sekali gus membantu memulihkan kedudukan ekonomi negara.

"Wanita perlu mengambil kesempatan dengan menjual barang kemas masing-masing untuk melabur dalam Asnita," katanya.

Bagaimanapun, beliau memang tidak menggalakkan membuat pinjaman bank untuk melabur dalam Asnita tetapi menggunakan wang yang disimpan serta barang kemas yang ada.

Beliau juga berkata, Asnita mendapat sambutan yang begitu menggalakkan sejak dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 5 Mei lalu.

"Maklum balas yang diterima menunjukkan cawangan Bank Simpanan Nasional (BSN) tidak cukup borang serta memohon lebih banyak borang daripada syarikat pengurusan Hijrah Unit Trust Management Berhad," katanya.

Berikutan itu, katanya, lebih 200,000 borang pelaburan Asnita sudah diedarkan selepas menerima sambutan menggalakkan daripada semua kaum di negara ini.

"Saya menetapkan sasaran 60 peratus daripada 400 juta unit Asnita akan dibeli oleh pelabur individu sepanjang tempoh tawaran ini," katanya.

Sementara itu Pengurus Kanan Operasi Bank & Pembangunan BSN, Atikah Adom, berkata setakat ini Asnita yang terjual ialah sebanyak 4.94 juta unit berjumlah kira-kira RM2.47 juta.

Katanya, sambutan itu berdasarkan kemudahan orang ramai membeli saham berkenaan di kaunter BSN seluruh negara.

"Setakat ini BSN memang tidak menyediakan kaunter khas untuk penjualan saham Asnita cuma orang ramai yang berkunjung ke kaunter kami, boleh terus membeli," katanya.

Pengerusi Eksekutif Hijrah Unit Trust Management Berhad (Hijrah), Rohani Datuk Mohd Shahir berkata pihaknya sedia menerima undangan daripada mereka yang berminat untuk memberi taklimat mengenai Asnita.

(END)